

26 MAY 2003

HARTANAH-PERAK/I

EKSPO HARTANAH PERAK TAWAR HARTANAH BERNILAI RM705 JUTA

IPOH, 26 Mei (Bernama) -- Sejumlah 6,123 unit hartanah bernilai RM705 juta akan ditawarkan semasa Ekspo Hartanah Perak yang akan berlangsung selama dua hari mulai Jumaat ini di Stadium Indera Mulia.

Pengerusi Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (Rehda) cawangan Perak, Datuk Francis Lee, berkata ini termasuk pelbagai jenis rumah, lot perindustrian dan pertanian serta pejabat dan kedai.

Jumlah hartanah terbesar yang ditawarkan ialah 1,507 rumah teres setingkat, diikuti dengan 1,119 lot banglo dan pertanian serta 985 unit rumah teres dua tingkat.

Hartanah lain ialah rumah kos rendah setingkat (569), rumah berkembar setingkat (258), banglo setingkat (46), rumah teres satu setengah tingkat (93), rumah berkembar dua tingkat (197), banglo dua tingkat (93), rumah teres dua dan setengah tingkat (46) serta 19 rumah teres tiga tingkat.

Turut ditawarkan ialah 459 rumah kedai/pejabat kedai, 666 unit pangsapuri dan kondominium serta 32 lot perindustrian.

Acara berkenaan dianjurkan secara bersama oleh Dewan Bandaraya Ipoh, Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan Rehda.

Lee berkata ekspo juga tepat pada masanya memandangkan ianya berlangsung seminggu selepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan pakej strategi ekonomi bagi merangsang ekonomi domestik.

"Memandangkan pelbagai insentif hanya untuk tempoh yang terhad bagi merangsang aktiviti ekonomi dalam negara, pembeli rumah perlu mengambil kesempatan terhadap insentif yang disediakan itu," kata Lee. -- BERNAMA

AR SHY NHD